

Minda Pengarang

Tutup ruang kartel manipulasi harga petrol

Setiap kali kenaikan harga runċit petrol diumumkan kerajaan, rakyat mengeluh. Terbaru kerajaan umumkan harga RON95 akan diapung dan dinaikkan satu atau dua sen setiap minggu secara berperingkat, sehingga mencapai harga pasaran sebaik Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan tahun depan.

Rakyat mengeluh bukan hanya kerana harga petrol naik, tetapi kkuatir dengan impak susulan kepada kos sara hidup mereka akibat kenaikan harga barangan di pasaran. Kita puji hasrat kerajaan umumkan kenaikan satu atau dua sen seminggu untuk mengelak ia membebankan, namun apa jaminan pengumuman itu tidak dimanipulasi kartel.

Kita kkuatir pengumuman kerajaan mengenai kenaikan harga petrol ini membuka ruang untuk mereka mencetus spekulasi kenaikan harga barang. Realiti harus diterima ialah kerajaan silap apabila mengumumkan kaedah apungan ini secara terbuka.

Apa pun, pengumuman mengenainya sudah dibuat Timbalan Menteri berkaitan di Parlimen, jadi kerajaan perlu sedia berdepan kemungkinan. Yang penting, perlu pastikan apa mekanisme sekalipun tidak akan mendatangkan impak negatif besar kepada rakyat. Jangan pula PSP yang dilihat positif, selepas ini dituduh penyebab kepada kenaikan harga barang di pasaran.